# PERIBAHASA PERPADUAN

***Standard Pembelajaran***

*4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.*

*Suai padankan peribahasa berikut dengan maksud yang telah diberikan.*

| | |
|---|---|
| bersatu teguh, bercerai roboh | telur sesangkak, pecah satu pecah semua |
| seikat bagai sirih, serumpun bagai serai | sebagai minyak dengan air |
| bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat | kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah |
| sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk | duduk sama rendah, berdiri sama tinggi |

(a) _____

Maksud: orang yang sama sedarjat, setaraf

(b) _____

Maksud: orang yang bermusuhan atau tidak sehaluan mustahil dapat dicampurkan jadi satu



(c) _____

Maksud: orang yang bermuafakat benar; seia sekata

(d) _____

Maksud: sama-sama ikut bertanggungjawab, susah senang dirasai bersama

(e) _____

Maksud: bersatu hati

(f) _____

Maksud: sepakat tercapai dalam mesyuarat

(g) _____

Maksud: persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan menyebabkan perpecahan

(h) _____

Maksud: kekuatan sebuah kerajaan kerana orang besar-besarnya, kekuatan orang besar-besar kerana rakyatnya yang bersatu padu

**Madah pujangga**

"Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncangkan dunia. Demikianlah kesannya perpaduan." – Tun Dr Mahathir Mohamad

**Bahasa berirama**

Hiduplah kita dalam muhibah. Selisih faham jangan dibiar berbanah, kelak ditimpa musibah. Sama ke bukit, sama ke lembah. Muafakat selalu biar jadi gagah.



LIVEWORKSHEETS